

16/11/1998

Unepass mahu kemuka rayuan

KLANG, Ahad - Kesatuan Pekerja-Pekerja Pembekal-Pembekal Perkhidmatan Sampingan Pelabuhan, Pelabuhan Klang (Unepass) akan menghantar surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merayu terhadap keputusan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) membatalkan lesen perkhidmatan sampingan 233 syarikat berkuatkuasa Januari 1999.

Setiausaha Unepass, A Balasubramaniam, berkata pihaknya akan menghantar surat kepada Perdana Menteri bagi menjelaskan mengenai perkara itu, kesannya kepada pekerja dan pelabuhan serta merayu terhadap keputusan LPK itu.

Beliau berkata, Unepass dimaklumkan mengenai keputusan LPK membatalkan lesen perkhidmatan sampingan 233 syarikat itu oleh Pengerusi LPK, Datuk Michael Chen, pada 3 November dan Pengurus Besar, Datin O C Phang, pada 11 November lalu.

Menurutnya, kesatuan berpendapat keputusan LPK menamatkan perkhidmatan syarikat terbabit menunjukkan ketidakprihatinan terhadap lebih 1,000 pekerja dalam industri perkhidmatan sampingan yang sudah bekerja di pelabuhan itu lebih 25 tahun.

"Kerajaan bercadang menukarkan sistem yang ada sekarang di pelabuhan dengan bersikap liberal, membolehkan syarikat perkapalan membawa pekerja mereka sendiri bagi menjalankan perkhidmatan sampingan," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Balasubramaniam berkata, tindakan LPK itu tidak adil kepada kesatuan apatah lagi dalam keadaan sekarang di mana gaji ahli dengan 12 kontraktor bagi tempoh Januari 1995 hingga sekarang masih tertangguh di Mahkamah Rayuan.

(END)